

Ikut kekasih antara punca orang hilang meningkat

KUALA LUMPUR 20 Jun — Mengikut kekasih merupakan antara punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kes orang hilang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), katanya sejumlah 19.07 peratus laporan kes orang hilang sepanjang tahun lepas berpunca daripada faktor berkenaan.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, peratusan kes orang hilang kerana mengikut kekasih menunjuk-

kan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya iaitu 14.42 peratus pada 2003, 16.18 peratus (2004), 16.26 peratus (2005).

Beliau berkata, sejumlah 27,657 kes orang hilang dilaporkan sejak 2001 dengan tahun lepas sahaja sebanyak 3,246 kes.

"Kebanyakan kes orang hilang melibatkan kes-kes yang tidak mempunyai unsur-unsur jenayah. Bagi kes-kes yang melibatkan unsur-unsur jenayah seperti penculikan maka tangkapan dan dakwaan terhadap suspek boleh dilaksanakan," katanya dalam jawapan ber-

tulis kepada soalan Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Dr. Wan Azizah ingin tahu faktor yang menyebabkan polis tidak berjaya mengesan sejumlah kes kanak-kanak yang dilaporkan hilang dan jumlah individu yang didakwa berhubung kes sedemikian.

Abdullah berkata, faktor pengaruh rakan-rakan turut menyumbang kepada peningkatan kes orang hilang dengan 15.93 peratus kes sedemikian dilaporkan tahun lepas.

UM : Khamis 21/6/2007

Punca-punca lain ialah mencari pekerjaan, mencari kebebasan di luar rumah, perselisihan faham dengan keluarga, penagihan dadah, culik, bunuh atau dilarikan ibu bapa.

Mengenai halangan yang dihadapi polis dalam mengesan kehilangan kanak-kanak, Abdullah berkata, antara faktor utama ialah sikap ibu bapa atau pengadu yang tidak membawa kanak-kanak yang telah kembali atau dijumpai semula ke balai untuk diambil percakapan bagi tujuan menyelesaikan masalah serta menutup kertas siasatan berkena-

an.

"Terdapat kanak-kanak yang hilang tinggal bersama dengan ibu atau bapa yang telah berpisah dan enggan bekerjasama untuk diambil percakapan bagi menutup kertas siasatan," katanya.

Selain kekurangan maklumat, beliau berkata, ada ibu bapa enggan memberikan kebenaran kepada polis untuk menyiarkan gambar anak mereka yang hilang kerana dikhuatiri mencemarkan maruah keluarga.